

27 OCT 2000

Norian-Ezam

POLIS TIDAK SIASAT KES EZAM SETAKAT INI KERANA TIADA LAPORAN

SHAH ALAM, 27 Okt (Bernama) -- Polis belum memulakan sebarang siasatan berhubung laporan akhbar mengenai pengakuan Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional, Ezam Mohamed Nor yang beliau terlibat memburukkan Perdana Menteri di luar negara, kerana tidak menerima aduan.

Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai berkata setakat ini tiada pihak yang membuat aduan yang menyatakan perbuatan Ezam itu melanggar undang-undang.

"Sekiranya ada pihak yang berkepentingan membuat laporan, polis akan menelitinya dan menjalankan siasatan," katanya pada sidang berita selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Syarikat Taitay Outdoor Media Sdn Bhd di sini hari ini.

Rabu lepas, sebuah akhbar tempatan melaporkan bahawa Ezam mengakui beliau bersama rakan seperjuangannya dari parti itu terbabit dalam gerakan membutukkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Amerika Syarikat dan Eropah dan mencabar kerajaan mendakwa di mahkamah ekoran perbuatannya itu.

Ezam dilaporkan membuat kenyataan itu semasa berucap pada perhimpunan "Gerakan Mengembalikan Hak-hak Rakyat" anjuran PAS dan Keadilan di Batu Tiga, Tandop, Alor Setar.

Sementara itu merujuk kepada kegiatan beberapa perhimpunan atau ceramah umum yang dijalankan di Selangor tanpa permit, Norian berkata polis Selangor setakat ini sudah menyelesaikan siasatan terhadap lapan kes dan dirujuk kepada pejabat Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

"Mengikut amalan biasa pada masa ini sekiranya kita dapati sesuatu ceramah atau perhimpunan umum itu dijalankan tanpa permit, kita akan buat siasatan. Dalam keadaan tertentu ada juga yang kita suraikan majlis itu, ia bergantung kepada keadaan," katanya.

Ditanya mengenai kejadian letupan yang merosakkan kuil Sri Ganesar di Jalan Pudu Lama di Kuala Lumpur malam semalam, Norian berkata polis sedang menjalankan siasatan.

Katanya kumpulan pakar sedang memeriksa kawasan terbabit untuk mengenalpasti punca kejadian dan mereka memerlukan sedikit masa sebelum membuat kesimpulan.

Letupan itu telah merosakkan pagar, jeriji dan siling bangunan berkenaan dan seorang sami dikatakan melihat dua lelaki bermotosikal melarikan diri selepas kejadian itu.

Sementara itu MoU yang ditandatangani adalah mengenai projek menyediakan papan tanda arah jalan semua balai polis dan ibu pejabat polis yang akan dilaksanakan Syarikat TaiTay dalam tempoh lima tahun.

-- BERNAMA

AZH RON